

Banjir, air pasang besar bawa sampah, bangkai ikan lumba-lumba ke darat

UM 20/9/2024 Pg 32

KANGAR: Pertembungan banjir akibat hujan lebat dan fenomena air pasang besar di perairan negeri ini menyebabkan sampah-sarap yang dibawa dari laut 'melimpah' di jalan di pesisiran pantai antara Kuala Sungai Baru hingga Sungai Padang, Sanglang di sini.

Sampah khususnya botol plastik dan pelbagai lagi jenis sampah lain itu dilihat bertaburan di laluan sepanjang 2.6 kilometer tersebut termasuk yang tersangkut di batuan tembok pemecah ombak di pantai berkenaan.

Kewujudan sampah yang memenuhi jalan berkenaan sekali gus turut menyukarkan kenderaan yang melalui laluan berkenaan.

Situasi tersebut menimbulkan persoalan mengenai betapa seriusnya pencemaran laut yang memperlihatkan bagaimana sampah yang dibuang ke laut itu kembali semula ke darat.

Lazimnya, dahulu apabila

berlakunya fenomena air pasang hanya menyebabkan air melimpah mengundang banjir kilat, kini mula menyaksikan limpahan sampah.

Selain sampah, bangkai ikan lumba-lumba juga ditemukan terdampar di Kurung Tengar, Kuala Perlis di sini akibat dihanyutkan ombak dan arus deras berikutan fenomena air pasang itu.

Bangkai ikan lumba-lumba yang ditemukan itu adalah daripada spesies *irrawady dolphin* (*Orcaella brevirostris*).

Sementara itu, Koordinator Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (Grass) Perlis, Rosnani Nazri berkata, kebanyakan sampah yang hanyut ke darat itu berikutan fenomena air pasang itu adalah plastik yang dibuang ke laut.

Katanya, pihaknya berharap semua pihak mendapat kesedaran dan bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar yang bermula dari rumah.



PENUNGGANG motosikal melihat sampah yang dihanyut di pesisiran pantai berikutan fenomena air pasang di Kuala Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

“Alam juga seperti ‘marah’ kepada perbuatan membuang sampah ke dalam sungai dan laut malah setiap pihak perlu beri contoh serta pengajaran yang baik kepada keluarga, jiran

mahu pun komuniti setempat,” katanya.

Fenomena air pasang itu juga menyebabkan beberapa kawasan di pesisiran pantai di sini dinaiki air.